



# TAKLIMAT PERTANDINGAN INOVASI MALA - KPKT 2020

TARIKH : 11 SEPTEMBER 2020 (JUMAAT)  
MASA : 02.45 PETANG  
TEMPAT : BILIK MESYUARAT UTAMA,  
UNIT PENTADBIRAN UTC PERAK,  
PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC) PERAK,  
OFF JALAN DATO' ONN JAAFAR,  
30300 IPOH, PERAK.

**PIM 2020**

**KATEGORI PERTANDINGAN**

**PERTANDINGAN INI TERBAHAGI KEPADA DUA KATEGORI**

**KATEGORI 1**

**MAJLIS  
BANDARAYA /  
MAJLIS  
PERBANDARAN**

**44  
PENYERTAAN**

**KATEGORI 2**

**MAJLIS  
DAERAH**

**8 PENYERTAAN**



**JUMLAH KESELURUHAN PENYERTAAN : 52 PENYERTAAN**



**SYARAT – SYARAT  
PENYERTAAN  
PERTANDINGAN**

**1**

Penyertaan terbuka kepada semua ahli Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA). Setiap penyertaan perlu menggunakan borang rasmi PIM2020.

**2**

Tiada had usia Inovasi yang dihasilkan. Setiap projek inovasi akan melalui fasa penilaian bagi menentukan projek adalah relevan dengan perkembangan semasa pihak berkuasa tempatan.

**3**

Hasil inovasi belum pernah memenangi hadiah di sebarang pertandingan/anugerah inovasi antarabangsa. Inovasi yang telah dipatenkan adalah suatu kelebihan, tetapi bukan menjadi prasyarat penyertaan.

**4**

Setiap PBT / peserta hanya dibenarkan menghantar dua (2) penyertaan inovasi. Namun begitu, hanya penyertaan terbaik dan melepasi fasa pemilihan sahaja yang akan diterima dalam pertandingan.

5

Setiap penyertaan perlu menggunakan borang rasmi PIM2020 dan boleh di muat turun di laman web Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan.  
[www.mala.com](http://www.mala.com)

6

Tajuk projek inovasi adalah bebas tetapi perlu memenuhi syarat / kriteria penyertaan seperti yang dinyatakan dalam borang PIM2020.

7

Setiap PBT / peserta hanya dibenarkan menghantar 1-2 penyertaan sahaja. Namun begitu, hanya 17 inovasi terbaik kategori Majlis Bandaraya / Majlis Perbandaran dan 3 inovasi kategori Majlis Daerah, yang melepasi fasa penilaian (tapisan senarai pendek) oleh panel penilai, layak diterima menyertai pertandingan ini. Keputusan panel juri adalah muktamad.

8

Bilangan PBT / peserta pertandingan di peringkat akhir adalah terhad kepada dua puluh (20) penyertaan iaitu tujuh belas (17) Projek Inovasi bagi kategori Majlis Bandaraya / Perbandaran dan tiga (3) Projek Inovasi PBT bagi kategori Majlis Daerah.

**9**

Bilangan keseluruhan ahli kumpulan inovasi PBT adalah diantara 1 hingga 5 orang.

**10**

Penyertaan pertandingan adalah percuma. Kos bagi pengurusan projek inovasi, pameran dan lain-lain kos yang berkaitan dengan penyertaan adalah tanggungan PBT / peserta. MALA akan menyediakan venue pameran dan pertandingan akhir.

**11**

MALA mempunyai hak keatas projek / inovasi yang memenangi Johan dalam pertandingan PIM2020. Hak ini meliputi kebenaran untuk perkongsian projek / inovasi berkenaan dilaksanakan dengan PBT dikalangan ahli MALA. MALA juga berhak untuk membantu pemenang dalam mempromosi projek inovasi tersebut di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

12

Setiap penyertaan akan melalui dua (2) peringkat penilaian :

#### a) PERINGKAT PERTAMA (FASA PENILAIAN AWAL)

Semua penyertaan akan dinilai dalam sesi penilaian awal oleh Panel Penilai bagi menilai kelayakan sesuatu produk / hasil inovasi yang dicalonkan. PBT / peserta diwajibkan menghantar maklumat tambahan , jika dikehendaki oleh panel juri. Penyertaan akan ditolak sekiranya PBT / peserta lewat atau gagal menghantar maklumat tambahan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Komunikasi perhubungan adalah menerusi alamat email yang dinyatakan dalam borang PIM2020 PBT / peserta.

#### b) PERINGKAT KEDUA (FASA PENILAIAN AKHIR)


Semua produk / hasil inovasi yang terpilih ke peringkat akhir akan dimaklumkan menerusi email kepada peserta dan mestilah hadir sesi penilaian akhir (pertandingan akhir). Penilaian akhir akan diadakan di Johor Bharu pada 25 Januari 2021. Setiap PBT / peserta dikehendaki untuk mempamerkan inovasi yang dipertandingkan semasa pertandingan akhir.

Penyertaan bagi peserta yang tidak dapat memberikan komitmen dan hadir semasa tarikh penilaian awal adalah dianggap terbatal secara automatik. Namun begitu, sesuatu penangguhan boleh dipertimbangkan, tertakluk kepada kesediaan panel juri dan penyelaras Sekretariat Pertandingan Inovasi MALA 2020.



**KRITERIA  
PENYERTAAN  
PIM2020  
PIALA YB MENTERI  
KPKT**

- i. Pertandingan ini terbuka kepada penyertaan projek inovasi dalam semua bidang perkhidmatan yang berkaitan dengan pihak berkuasa tempatan.
- ii. Cetusan idea bagi produk / hasil inovasi mestilah daripada ciptaan asli peserta dan tidak meniru / meniplak mana-mana produk / hasil inovasi yang lain. Plagiarism adalah dilarang sama sekali dan penyertaan akan dibatalkan secara automatik.
- iii. Peratusan pembahagian markah peringkat akhir PIM2020 seperti berikut :



iv. Peserta perlu menyediakan dokumen sokongan berkaitan produk / hasil inovasi. Format yang digunakan – Font : Arial, Saiz : 10, Kertas : saiz A4, Line Spacing : 1.15 Multiple Spacing. Butiran adalah seperti berikut ;



iv. Setiap penyertaan inovasi yang terpilih ke peringkat akhir adalah menjadi hak milik MALA bagi tujuan perkongsian inovasi sesama PBT. Setiap PBT yang memasuki peringkat akhir diwajibkan untuk memasukkan projek inovasi tersebut ke dalam **Sistem Innocreate** iaitu di [innocreate.mbas.gov.my](http://innocreate.mbas.gov.my).

vi. Penggunaan sebarang perisian adalah dibenarkan tetapi ia tertakluk kepada undang-undang berkaitan perkomputeran sedia ada yang terpakai.

**PIM 2020**

**TARIKH-TARIKH PENTING**

PENYERTAAN  
DIBUKA

10 SEPTEMBER  
2019

PENYERTAAN  
DITUTUP

28 FEBRUARI  
2020

FASA PENILAIAN  
PENYERTAAN

14 & 15 JANUARI 2021  
BERTEMPAT DI  
KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN  
(KPKT)

FASA PERTANDINGAN  
AKHIR DAN PAMERAN

25 JANUARI 2021  
BERTEMPAT DI  
MAJLIS BANDARAYA  
JOHOR BAHRU (MJB)



**PERTANDINGAN  
PERINGKAT  
SARINGAN  
(FASA PENILAIAN PENYERTAAN)**

**PIM 2020**

**PERINGKAT SARINGAN  
(LOKASI PERTANDINGAN)**

**TEMPAT :**

**DEWAN KRISTAL,  
KEMENTERIAN  
PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
(KPKT)**

**TARIKH :**

**14 & 15 JANUARI 2021**



**PIM 2020**

**PERINGKAT SARINGAN  
(GAMBAR DEWAN KPKT)**

## **GAMBAR DEWAN KRISTAL, KPKT**



**ARAH LALUAN  
KE LOBI**



**LOBI DEWAN**



**PENTAS UTAMA  
DEWAN**



**RUANG DALAMAN  
DEWAN**

## **LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL OLEH PESERTA PADA 14 JANUARI 2021**

### **1. PENDAFTARAN**


- JAM 12.00 TENGAHARI - 5.00 PETANG**
- BERTEMPAT DI LOBI DEWAN KRISTAL, KPKT**

### **2. MEMBAWA BAHAN PAMERAN**


- KERTAS BERSAIZ A2 (BILANGAN MAKSIMUM ADALAH SEBANYAK 4 UNIT)**

### **3. PEMASANGAN BAHAN PEMERAN DI BOARD PAMERAN**

- TEMPOH PEMASANGAN BERMULA DARI JAM 12.00 TENGAHARI – 5.00 PETANG**
- PEMASANGAN SELEPAS DARI WAKTU YANG TELAH DITETAPKAN ADALAH TIDAK DIBENARKAN**
- PELEKAT / DOUBLE SIDED TAPE AKAN DISEDIAKAN DAN AKAN DIBERIKAN KEPADA PESERTA SEMASA PENDAFTARAN.**



## SOFT BOARD (WOVEN)





## NOTA

1. NOMBOR BOARD PAMERAN AKAN DIMAKLUMKAN PADA PERTENGAHAN BULAN DISEMBER 2020.
2. NOMBOR BOARD PAMERAN UNTUK PESERTA AKAN DITETAPKAN OLEH PIHAK MALA.
3. SPESIFIKASI BOARD PAMERAN (POTRAIT @ LANDSCAPE) AKAN DIMAKLUMKANKAN PADA PERTENGAHAN DISEMBER 2020.

**HARI PERTANDINGAN PERINGKAT SARINGAN PADA 15 JANUARI 2021**

<b>JAM</b>	<b>PERKARA</b>
<b>8.00 – 9.00 PAGI</b>	<b>PENDAFTARAN OLEH WAKIL PESERTA - BERTEMPAT DI LOBI DEWAN KRISTAL, KPKT</b>
<b>9.00 PAGI</b>	<b>PESERTA PERLU BERADA PADA BOARD PAMERAN MASING-MASING - TERHAD KEPADA SEORANG SAHAJA IAITU WAKIL PESERTA BAGI SETIAP KUMPULAN</b>
<b>9.00 PAGI – 1.00 PETANG</b>	<b>PENILAIAN OLEH JURI-JURI PERTANDINGAN</b>
<b>1.00 – 2.00 PETANG</b>	<b>REHAT</b>
<b>2.00 – 4.00 PETANG</b>	<b>PENILAIAN OLEH JURI-JURI PERTANDINGAN</b>
<b>4.00 - 5.00 PETANG</b>	<b>PENGUMUMAN KEPUTUSAN SARINGAN OLEH JURI-JURI PERTANDINGAN - (17) PEMENANG DARI KATEGORI MAJLIS BANDARAYA/MAJLIS PERBANDARAN DAN (3) PEMENANG DARI KATEGORI MAJLIS DAERAH AKAN DIPILIH OLEH JURI PERTANDINGAN UNTUK MARA KE PERINGKAT AKHIR.</b>
<b>5.00 PETANG</b>	<b>SELEPAS PERTANDINGAN - (17) PEMENANG DARI KATEGORI MAJLIS BANDARAYA/MAJLIS PERBANDARAN DAN (3) PEMENANG DARI KATEGORI MAJLIS DAERAH PERLU MENANGGALKAN BAHAN PAMERAN DAN MENYERAHKAN KEPADA URUSETIA PERTANDINGAN. - BAHAN PAMERAN TERSEBUT TIDAK DIBENARKAN DIBAWA PULANG. - MANAKALA LAIN-LAIN PESERTA DIBENARKAN MENANGGALKAN BAHAN PAMERAN DAN DIBAWA PULANG.</b>

**KATEGORI MAJLIS BANDARAYA / PERBANDARAN**

PEMENANG	HADIAH
PERTAMA (1) 	RM 50,000 (GERAN KPKT), PIALA IRINGAN, WANG TUNAI RM 4,000 & SIJIL PENYERTAAN
KEDUA (2) 	RM 50,000 (GERAN KPKT), PIALA IRINGAN, WANG TUNAI RM 2,000, SIJIL PENYERTAAN
KETIGA (3) 	RM 50,000 (GERAN KPKT), PIALA IRINGAN, WANG TUNAI RM 1,000 & SIJIL PENYERTAAN
KEEMPAT (4)	RM 50,000 (GERAN KPKT), WANG TUNAI RM 500, SIJIL PENYERTAAN
KELIMA (5)	RM 50,000 (GERAN KPKT), WANG TUNAI RM 500 & SIJIL PENYERTAAN
KEENAM (6) HINGGA TUJUH BELAS (17)	WANG TUNAI RM 500 & SIJIL PENYERTAAN

**PIM 2020**

**PERINGKAT SARINGAN  
(HADIAH PERTANDINGAN)**

## **KATEGORI MAJLIS DAERAH**

<b>PEMENANG</b>	<b>HADIAH</b>
<b>PERTAMA (1)</b> 	<b>RM 33,000 (GERAN KPKT), PIALA IRINGAN, WANG TUNAI RM 2,000 &amp; SIJIL PENYERTAAN</b>
<b>KEDUA (2)</b> 	<b>RM 33,000 (GERAN KPKT), PIALA IRINGAN, WANG TUNAI RM 1,500, SIJIL PENYERTAAN</b>
<b>KETIGA (3)</b> 	<b>RM 33,000 (GERAN KPKT), PIALA IRINGAN, WANG TUNAI RM 1,000 &amp; SIJIL PENYERTAAN</b>



**PERTANDINGAN  
PERINGKAT AKHIR  
(FASA PENILAIAN AKHIR)**

**PIM 2020**

**PERINGKAT AKHIR  
(LOKASI PERTANDINGAN)**

**TEMPAT :**

**DEWAN KENANGA,  
MAJLIS BANDARAYA  
JOHOR BAHRU  
(MJB)**

**TARIKH :**

**25 JANUARI 2021**



**PIM 2020**

**PERINGKAT AKHIR  
(GAMBAR DEWAN KENANGA)**

## **GAMBAR DEWAN KENANGA, MBBJ**



**LOBI DEWAN**



**PENTAS UTAMA  
DEWAN**



**RUANG DALAMAN  
DEWAN**

**PIM 2020**

**PERINGKAT AKHIR  
(HADIAH PERTANDINGAN)**

# Hadiah Peringkat Akhir

PEMENANG	HADIAH
<b>PERTAMA (1)</b> 	<b>RM 1,000,000 (GERAN KPKT), TIKET PENERBANGAN AIR ASIA &amp; PIALA PUSINGAN</b>
<b>KEDUA (2)</b> 	<b>RM 500,000 (GERAN KPKT), PIALA IRINGAN KESELURUHAN</b>
<b>KETIGA (3)</b> 	<b>RM 250,000 (GERAN KPKT), PIALA IRINGAN KESELURUHAN</b>
<b>KEEMPAT (4)</b> 	<b>RM 50,000 (GERAN KPKT), PIALA IRINGAN KESELURUHAN</b>
<b>KELIMA (5)</b> 	<b>RM 50,000 (GERAN KPKT), PIALA IRINGAN KESELURUHAN</b>
<b>KEENAM (6)</b> 	<b>RM 50,000 (GERAN KPKT), PIALA IRINGAN KESELURUHAN</b>

PIM 2020

SESI SOAL JAWAB

# SESI SOAL JAWAB





SEKIAN,

**TERIMA KASIH**

**SEMOGA BERJAYA!!!**